

EDISI OKTOBER - DISEMBER SIRI 8 (Vol: 4/2010) NO ISSN : 1985-7632

BINA Integriti

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

WHISTLE BLOWER ACT (ACT 711)

PERLINDUNGAN
KEPADA PEMBERI
MAKLUMAT



CIDB
MALAYSIA
MEMBINA KEJAYAAN ANDA



Sidang Redaksi

Penasihat

Datuk Ir. Hamzah Hasan
Ketua Eksekutif CIDB Malaysia

Ketua Editor

Megat Kamil Azmi Megat Rus Kamarani

Editor

Ida Zuraida Mohd Yusoff
Nur Faeza Hamdan Fadel

Penulis Undangan

Datuk Nik Mustapha Hj. Nik Hassan
Nurahim Abd. Rahim

Urus Setia

Rosli Zainon
Mohd Azwan Ramli
Noor Faezah Abdul Halim

Terbitan

CIDB Malaysia

Bahagian Pembangunan Kontraktor Sektor Pembangunan Kontraktor & Personel Binaan, CIDB Malaysia.

Level 10A, Grand Seasons Avenue
No 72, Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur Malaysia

Tel: 6-03-2617 0206, 03-4042 8880

Fax: 6-03-2617 0340, 03-4042 2880

Email: binaintegriti@cidb.gov.my



No part of this bulletin may be reproduced without the written permission of CIDB Malaysia. Opinions expressed in BINA INTEGRITI are the writers' and may not necessarily reflect the opinion of CIDB Malaysia. CIDB Malaysia is not responsible or liable in any way for the content in articles, photographs or illustration contained in this publication. The editorial team reserves the right to edit and/or re-write all materials according to the needs of the publication upon usage.

ISI KANDUNGAN

FOKUS	4
Rasuah & Implikasinya Dalam Sektor Pembinaan Negara	
APA ITU?	10
Sepintas Lalu Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711)	
PENULIS JEMPUTAN	11
Let's Achieve Progress Through Moral Strength	
BERITA	17
Seminar Integriti Kelantan 2010 Seminar Integriti Sabah 2010	
INFO	18
"Panggilan Sumbangan Hasil Karya Ke Dalam BINA Integriti"	

LEMBAGA
PEMBANGUNAN
INDUSTRI PEMBINAAN
MALAYSIA



Nota Editor:

Kami mengalu-alukan sebarang komen dan sumbangan artikel dari anda. Sebarang pertanyaan, komen dan penulisan hendaklah di emel ke binaintegriti@cidb.gov.my.

Buletin Bina Integriti (dalam format PDF) boleh dimuat turun daripada www.cidb.gov.my

Apa ada pada nama BINA Integriti? BINA INTEGRITI

BINA - Mencerminkan industri pembinaan Malaysia.
INTEGRITI - Melambangkan objektif utama penerbitan buletin ini iaitu untuk menjadi bahan rujukan dan perkongsian ilmu pengetahuan, makluman mengenai program-program penerapan integriti dalam industri pembinaan, penggalakkan budaya kerja berintegriti dan juga untuk mewarwarkan peranan CIDB dalam program-program berkenaan.

OBJEKTIF PENERBITAN BINA Integriti

Buletin BINA Integriti ini diterbitkan dengan objektif seperti berikut:

1. Memberi kesedaran kepada semua penggiat industri pembinaan tanahair akan kepentingan pemantapan integriti dan penerapan nilai-nilai murni di dalam sektor binaan.
2. Menanamkan sikap berhemah dan budaya kerja beretika di kalangan penggiat industri pembinaan.
3. Memperkukuhkan tahap kepercayaan dan keyakinan awam terhadap sektor pembinaan negara.
4. Mempromosi dan mewarwarkan program dan aktiviti anjuran CIDB, khususnya program pengukuhan integriti serta program-program lain yang relevan.

Assalamualaikum dan Salam Integriti

Syukur dipanjatkan kerana dapat lagi kita bertemu di dalam BINA Integriti edisi Oktober-Disember 2010, edisi terakhir tahun ini. Di sepanjang tahun 2010 kita menyaksikan bermacam ragam dan perkara yang berlaku di sekeliling kita dalam bentuk yang menggembirakan, menyedihkan, memeranjatkan dan ada juga yang meruntun perasaan.

Namun salah satu pencapaian yang menggembirakan rakyat Malaysia adalah, tirai 2010 dilabuhkan dengan penguatkuasaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat [711] yang dikuatkuasakan pada 15 Disember 2010 baru-baru ini. Kita boleh menarik nafas lega apabila 'whistle blower' dilindungi dan dibela nasibnya. Tiada siapa yang menafikan bahawa bagi mengemukakan sebarang aduan atau maklumat berhubung salah laku sesiapaupun, kerisauan akan merajai fikiran apabila mengenangkan risiko-risiko yang berkemungkinan terjadi. Namun, melalui penguatkuasaan Akta 711 ini, kerahsiaan dan pemberi maklumat akan dipelihara dan sekiranya perlu, tindakan-tindakan bersesuaian akan diambil seandainya terdapat unsur-unsur ancaman kepada pemberi maklumat tersebut. Kesejahteraan dan keselamatan rakyat bergantung kepada kebertanggungjawaban masyarakat menjadi mata, telinga dan mulut kepada sebarang anasir-anasir yang boleh menjejaskan kesejahteraan dan keselamatan semua.

BINA Interiti kali ini memperkenalkan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat (711) di halaman 10. Juga ditampilkan penulisan ilmiah mengenai 'Rasuah dan Implikasinya Dalam Sektor Pembinaan Negara' di halaman 4. Artikel '*Let's progress through moral strength*' pula mengingatkan kita akan signifikan kekuatan moral di dalam kemajuan hidup. Adalah diharapkan agar paparan kali ini dapat menyemai kesedaran kita terhadap peranan masing-masing di dalam pemantapan integriti. Sekalung penghargaan ditujukan kepada semua pihak yang memberi sumbangan terhadap penerbitan BINA Integriti sejak ianya mula diperkenalkan pada Januari 2009 sehinggalah ke hari ini.

Selamat Membaca!

Ketua Editor
binaintegriti@cldb.gov.my

PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT

Satu Langkah Positif Di Dalam Membanteras Rasuah Di Dalam Sektor Pembinaan



Statistik Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia menunjukkan bahawa penangkapan ke atas perlakuan rasuah di Malaysia meningkat iaitu dengan 771 jumlah tangkapan dibuat pada tahun ini sehingga November 2010 berbanding hanya 500 jumlah tangkapan di sepanjang tahun 2009. Media tempatan juga akhir-akhir ini memaparkan kes-kes rasuah berprofil tinggi yang dibawa ke muka pengadilan sama ada yang melibatkan penjawat awam, ahli politik, swasta dan orang awam. Peningkatan statistik ini tidak seharusnya dipandang sebagai gambaran kemerosotan

integriti di dalam negara ini semata-mata. Namun di dalam konteks lain, peningkatan tangkapan ke atas jenayah rasuah menunjukkan peningkatan terhadap kecekapan pihak berkuasa terlibat seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan sebagainya di dalam menangani jenayah rasuah. Ianya juga menunjukkan keseriusan kerajaan Malaysia di dalam membanteras jenayah terbesar kemanusiaan ini.

Undang-undang menggariskan bahawa memberi dan menerima rasuah merupakan satu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694]. Sengaja menyembunyikan perlakuan rasuah juga merupakan satu kesalahan di bawah Akta tersebut. Namun begitu tidak dinafikan bahawa tanpa perlindungan kepada pemberi maklumat, tindakan untuk melaporkan perlakuan-perlakuan jenayah seperti rasuah adalah berisiko. Sebagai contoh, pemberi maklumat terdedah kepada tindakan mudarat seperti ugutan dan ancaman disebabkan oleh pendedahan maklumat tersebut. Justeru, penguatkuasaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat [Akta 711] pada 15 Disember 2010 lalu amatlah strategik dan tepat pada masanya sejajar dengan keperihatinan umum terhadap bahaya rasuah. Jaminan dan perlindungan yang tertakluk di bawah Akta ini juga akan meningkatkan keberanian segenap masyarakat untuk memberikan maklumat dan kerjasama di dalam membongkar jenayah rasuah yang kebiasaannya tersembunyi.

CIDB menyambut baik penguatkuasaan Akta 711 ini kerana ianya menjadi faktor penyumbang ke arah menggalakkan pematuan terhadap Kod Etika Kontraktor yang telah di lancarkan pada tahun 2008 yang lalu. Pematuan Kod Etika Kontraktor bertujuan untuk menggalakkan budaya kerja beretika di kalangan kontraktor seterusnya membudayakan pengawalseliaan sendiri di kalangan penggiat industri. Ini adalah kerana, melalui perlindungan yang tertakluk di bawah Akta 711 ini, kesemua penggiat industri termasuk pengguna akan terpenggil untuk menampilkan sebarang salah laku termasuklah perbuatan rasuah oleh sesiapaupun tanpa mengira pangkat atau jawatan. CIDB turut menjalankan Kursus Integriti Kontraktor untuk mendidik para kontraktor terhadap kepentingan integriti dan bahaya jenayah rasuah di dalam sektor pembinaan. Sehingga November tahun ini, seramai 20,969 peserta telah menghadiri kursus ini sejak ianya dilancarkan pada pertengahan 2008. Statistik kehadiran ke kursus ini tidak membawa sebarang makna sekiranya tiada langkah pembetulan dan penambahbaikan dilaksanakan oleh mereka yang telah menghadirinya.

Umum memaklumi bahawa jenayah rasuah amat besar dosanya. Dalam konteks industri pembinaan pula ianya lebih parah lagi apabila keselamatan serta nyawa manusia tergadai atas gejala rasuah ini. Untuk itu, marilah kita sama-sama memerangi rasuah dengan membawa pihak yang terlibat ke muka pengadilan. Usaha ini akhirnya membantu menaikkan imej serta memperkasakan industri pembinaan tanahair.

DATUK Ir. HAMZAH HASAN
Ketua Eksekutif CIDB Malaysia

RASUAH DAN IMPLIKASINYA DALAM SEKTOR PEMBINAAN NEGARA

oleh : Nurahim Bin Abd.Rahim, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
nurahim@sprm.gov.my

PENGENALAN

Sektor pembinaan adalah salah satu bidang yang boleh dikatakan mewah dan amat signifikan dalam pembangunan negara. Menurut CIDB (2008) pelaburan sektor ini di Malaysia telah mencecah RM49.07 bilion(b) (2003), RM54.33b (2004); RM54.99b (2005); RM58.96b (2006); RM87.97b (2007) dan dianggarkan RM69 bilion dalam tahun 2008 . Laporan Ekonomi Malaysia mencatatkan bahawa pelaburan dalam sektor ini telah menyumbangkan 4.1% kepada keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) (2009) dan 2.1% kepada KDNK (2008) . Walaupun secara kasarnya sektor ini telah memberikan sumbangan terhadap pembangunan negara, namun pengalaman negara-negara maju dan sedang membangun termasuk negara-negara blok komunis menunjukkan bahawa sektor pembinaan telah diresapi oleh gejala rasuah.

Rasuah adalah satu jenayah fidusiari yang dipercayai sedang menular secara halus dalam sektor pembinaan negara-negara di seluruh dunia. Jika langkah-langkah pencegahan rasuah yang efektif dan berkesan tidak digerakkan secara total untuk menangani masalah ini, kesan-kesan negatif akan berlaku. Sebagai contoh, rasuah akan menjejaskan pencapaian matlamat dan pelaksanaan dasar-dasar pembangunan negara, merapuhkan pembangunan infrastruktur negara dan prasarana awam serta mengakibatkan kemusnahan persekitaran. Justeru itu, punca dan penyelesaian yang bersepadu dan komprehensif ke atas jenayah ini hendaklah diperhalusi agar ianya tidak merebak menjadi satu 'kanser' yang boleh merosakkan negara.

Artikel ini ditulis untuk melihat sejauh manakah rasuah wujud dalam sektor pembinaan, kategori-kategori rasuah yang lazimnya berlaku dalam sektor ini, individu atau agen-agen pelaksana yang berkemungkinan terlibat dan terdedah, jenis-jenis kesalahan rasuah dari prespektif perundangan negara Malaysia - Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta SPRM 2009] seterusnya melihat apakah implikasinya terhadap sektor pembinaan negara. Melalui artikel ini diharapkan agar semua lapisan masyarakat yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam sektor pembinaan negara dapat memahami kehancuran yang dibawa oleh jenayah rasuah. seterusnya mengambil perhatian serius terhadap langkah-langkah pencegahan.

RASUAH DALAM SEKTOR PEMBINAAN

Transparency International's Bribe Payers' Index (2005) menyifatkan bahawa "public works/construction as the most corrupt sector internationally". Rasuah dalam sektor ini berlaku dalam dua kategori iaitu: (1) *large-scale or 'grand' corruption* dan (2) *small-scale or 'petty' corruption*. (1) *Grand corruption* merujuk kepada pemberian atau pembayaran suapan oleh sesebuah syarikat, peniaga, kontraktor atau sesiapa jua yang melibatkan jumlah yang besar (*huge bribes and commissions*) sebagai ganjaran untuk memperolehi satu-satu projek, pembelian atau apa-apa jua urusan. Manakala (2) *Petty corruption* bermaksud rasuah sebagai pelincir atau pemudahcara yang dibayar oleh sesebuah syarikat, kontraktor, peniaga atau sesiapa jua untuk mendapatkan sesuatu urusan/kontrak seperti pelepasan cukai, memperolehi lesen, permit, memalsukan butiran kewangan dan sebagainya . Mana-mana pembiaya projek, pemilik, pelaksana, syarikat atau individu seperti pengarah, pengurus, peguam, pegawai kewangan pembiaya, perunding bersekutu atau anak syarikat, agen, rakan niaga atau subkontraktor adalah antara kumpulan individu yang berisiko tinggi terdedah kepada kemungkinan terlibat dalam kegiatan rasuah.

Bagaimana terjadinya rasuah dalam sektor ini telah menjadi satu persoalan yang amat menarik perhatian dan perlu diperjelaskan. *Patrick Zou (2006)* dalam artikelnya menyatakan bahawa

Corruption is likely to occur in procurement of works by governments, public authorities and other public entities due to large amount of money involved and the difficulty in monitoring the processes of money spending.

Beliau menambah bahawa

Corruption in the construction industry is initiated by project participants at every level and in every phase of the process, and the professional advisers and consultants are the first line of attack as well as defence. The situation has been compounded by the fact that a low level of capital investment is required to set up construction companies, which in turn, allows easy entry into the industry by new, and sometimes, unscrupulous players

Perlakuan jenayah rasuah dalam sektor ini disokong oleh seorang penulis daripada *Australia Shakantu (2003: 281)*,



yang menyatakan bahawa *many of the corruption is a result of the nature of construction projects and that of the process itself*. Dalam penemuan lain, Provera (1998) menyatakan bahawa jenayah rasuah dalam sektor pembinaan juga menular melalui proses dan tatacara sebut harga ataupun tender iaitu dalam bentuk;

(1) pre-tendering (a) choice of supplies to be tendered, (b) definition of technical specification, (c) definition of special condition of tender and (d) tender issuing and dispatch of tender, (2) invitation to tender (e) preparation of offers, (3) due date for offer (f) evaluation of offers, (4) contract award, delivery of supplies, provisional or final acceptance (g) contract execution.

Jika dilihat dari segi terminologi, *World Bank* (2006) mendefinisikan perkataan rasuah sebagai satu perbuatan penyalahgunaan kuasa dan tugas-tugas rasmi oleh anggota pentadbiran dan penjawat awam untuk memperoleh suapan di mana dia secara langsung atau tidak langsung mendapat suapan atau mempunyai kepentingan peribadi. *Black's Law Dictionary* menjelaskan perbuatan tersebut adalah *the act of an official or fiduciary person who unlawfully or wrongfully uses his station or character to procure some benefit for himself or for another person, contrary to duty and the right of other*.

Berdasarkan definisi di atas, kita dapat memahami bahawa terminologi rasuah adalah satu istilah yang sangat luas, umum dan mencakupi apa jua tindakan dan perbuatan yang dilakukan oleh mana-mana penjawat awam sama ada secara langsung atau tidak langsung cuba menggunakan kuasa, pangkat, kedudukan mahupun jawatan mereka untuk mendapatkan suapan bagi kepentingan diri, keluarga atau sesiapa jua yang mempunyai kepentingan dengan pegawai tersebut. Dalam persoalan ini, Syed Alatas menyatakan

bahawa perbuatan rasuah ini dikaitkan dengan

(a) *a betrayal of trust; (b) deception of a public body, private institution, or society at large; (c) deliberate subordination of common interests to specific interests; (d) secrecy of execution ...; (e) the involvement of more than one person or party; (f) the presence of mutual obligations and benefits, in pecuniary or other form; (g) the focusing of attention on those who want definite decisions and those who can influence them; (h) the attempt to camouflage the corrupt act by some form of lawful justification; and (i) the expression of contradictory dual functions by those committing the acts.*

UK Transparency International (2006) dalam *Preventing Corruption On Construction Projects Risk Assessment And Proposed Actions For Funders* menjelaskan bahawa rasuah dalam pembinaan apa-apa juga projek secara umumnya berlaku dalam dua (2) situasi iaitu (a) Dalam penyediaan dan pengurusan kewangan sesuatu projek (b) Semasa pelaksanaan projek (perancangan, rekabentuk, tender, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan projek) Apa yang dimaksudkan dalam situasi (a), penyumbang kewangan (*funders*) atau pemilik projek mengambil kesempatan meminta suapan atau memanipulasikan pengurusan kewangan atau menyalahgunakan peruntukan untuk mendapatkan keuntungan peribadi. Manakala dalam situasi (b) kontraktor atau pemilik projek melakukan perbuatan memberi atau menerima suapan, mengemukakan tuntutan yang palsu serta tidak menepati spesifikasi atau skop kerja secara curang kepada pemilik projek atau terlibat menyalahgunakan peruntukan atau jawatan mereka untuk mendapatkan suapan.

Dalam konteks Negara Malaysia, apabila dilihat dari prespektif Akta SPRM 2009, perbuatan rasuah yang dimaksudkan dalam istilah *petty and grand corruption* ditafsir sebagai



>> FROM PAGE 5

suapan (*gratification*) yang diberi oleh mana-mana orang, diterima dan diperolehi oleh mana-mana jua pegawai badan awam (penjawat awam) yang berkaitan dengan tugas rasmi kerajaan. Akta ini secara jelas memperuntukkan perbuatan rasuah adalah *indictable* dibawah undang-undang pencegahan jenayah rasuah di Negara ini. Antara kesalahan-kesalahan rasuah yang dimaksudkan itu adalah melibatkan;

i. Memberi Suapan

Seksyen 16 (b) dan 17(b) Akta SPRM 2009 memperuntukkan bahawa menjadi satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah akta ini apabila didapati mana mana orang yang cuba memberi, berjanji memberi atau memberi suapan kepada mana-mana jua pegawai awam di mana urusan yang dimaksudkan itu mempunyai kaitan dengan tugas-tugas rasmi mereka. Seseorang kontraktor disifatkan melakukan kesalahan apabila cuba memberi atau telah memberi suapan kepada mana-mana juga pegawai atau kakitangan awam yang bertanggungjawab menyelia projek pembinaan yang dilaksanakan oleh kontraktor tersebut.

ii. Menerima Suapan

Seksyen 16 (a) dan 17(a) Akta SPRM 2009 menyatakan bahawa menjadi satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah akta ini apabila mana-mana penjawat awam yang cuba meminta, mendapatkan, memujukrayu atau menerima suapan daripada mana-mana orang dalam hal yang berhubung dengan tugas rasmi pekerjaanya. Seorang Penjawat awam disifatkan melakukan kesalahan apabila terbukti telah menerima suapan daripada kontraktor seperti yang dimaksudkan di bawah para 1 di atas.

iii. Menarik Balik Tender

Seksyen 20 Akta SPRM 2009 juga memperuntukkan bahawa adalah menjadi kesalahan kepada mana-mana orang yang berniat untuk memperolehi suatu kontrak daripada mana-mana badan awam bagi melaksanakan apa-apa kerja, perkhidmatan, melakukan apa-apa jua, atau membekalkan apa-apa barang, bahan atau benda, menawarkan apa-apa suapan kepada mana-mana orang yang telah membuat sesuatu tender untuk mendapatkan kontrak itu, sebagai dorongan atau upah bagi orang itu menarik balik kontrak/tendernya itu. Seorang petender atau kontraktor yang memberi/menerima suapan bagi maksud menyerah atau menarik balik tender/kontrak adalah melakukan kesalahan yang boleh dihukum dibawah akta ini.



iv. Mengemukakan Atau Memperakukan Tuntutan Palsu

Seksyen 18 Akta SPRM 2009 memperuntukkan bahawa menjadi satu kesalahan yang boleh dihukum dibawah akta ini apabila mana-mana orang atau ejen mengemukakan atau memperakukan apa-apa jua tuntutan seperti tuntutan projek siap atau pembekalan peralatan/perkhidmatan kepada jabatan padahal projek atau pembekalan barangan atau perkhidmatan tersebut belum siap atau belum disempurnakan lagi. Oleh kerana perbuatan kedua-duanya menyebabkan kerugian kepada kerajaan, maka mereka telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah akta ini.

v. Menyalahgunakan Kuasa

Seksyen 23 Akta SPRM 2009 memperuntukkan bahawa menjadi satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah akta ini apabila mana-mana juga penjawat awam menggunakan pangkat, jawatan dan kedudukannya sama ada (1) membuat apa-apa keputusan atau (2) mengambil atau membuat apa-apa jua tindakan untuk mendapatkan suapan di mana beliau secara langsung atau tidak



langsung mempunyai kepentingan dalam urusan tersebut. Kepentingan yang dimaksudkan boleh jadi dalam bentuk pegawai atau kakitangan tersebut mempunyai kaitan saudara ataupun sekutu menurut interpretasi seksyen 3 Akta SPRM 2009 atau mempunyai *financial interest* dalam syarikat di mana beliau terlibat dalam membuat keputusan atau menguruskan tender kontrak tersebut.

vi. Bersubahat

Seksyen 28 Akta SPRM 2009 memperuntukkan bahawa menjadi satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah akta ini apabila mana-mana orang membantu atau bersubahat melakukan kesalahan di bawah akta ini. Maksudnya baik kontraktor mahupun penjawat awam, kedua-dua mereka dianggap bersalah jika didapati bersekongkol atau berpakat melakukan kesalahan-kesalahan yang dimaksudkan dalam para (i) – (iv).

Lanjutan daripada kesalahan-kesalahan yang dinyatakan di atas Patrick (2006) menyatakan penemuannya bahawa

the forms of corruptions related to contractors include, for example, the construction company offer bribes (money and in-kind) to client or the tender evaluation committee members in order to win the project; purposely lower the tendering prices or collusion in the tendering prices among construction companies using of substandard materials or workmanship, submitting false reports of project expenditure, forging and altering original invoices, non-compliance with contract, and supervision and construction companies colluding together.

Beliau menambah bahawa

corruption exists with all different stakeholders and in every stage of project procurement, from concept and design stages to tendering and construction stages (including materials purchasing), right through commissioning and handover stages (for project final cost account as well as design changes or construction variations, final cost settlement and final payment and evaluation of project quality at completion.

Berdasarkan pernyataan di atas, kajian-kajian empirikal dan diskriptif yang telah dibuat mendapati jenayah rasuah memang berlaku dalam sektor pembinaan. Insiden tersebut adalah satu perkara yang tidak dinafikan kewujudannya. Ia berlaku melibatkan agen-agen pelaksana dalam sektor ini dalam bentuk pemberian-penerimaan suapan, menuntut atau mengesahkan tuntutan projek atau pembekalan yang tidak siap dengan sempurna, memalsukan fakta ataupun dokumen kontrak, menyalahgunakan kuasa dan persubahatan sesama mereka.

KESAN RASUAH DALAM SEKTOR PEMBINAAN

Kesan Ekonomi

Rasuah boleh mendatangkan impak negatif yang berganda-ganda ke atas aktiviti mikro-makro ekonomi negara. Rasuah menyebabkan penguncupan berlaku dalam aktiviti pelaburan daripada sektor swasta, pelabur dalam dan luar negara dan juga pengurus-pengurus dana. Prof Dr. Johann Graf Lambsdorff (2006) menyatakan bahawa

Governments with a reputation for corruption find it difficult to commit to effective policies and to convince investors of their achievements. Investors therefore tend to prefer safe havens to countries with an unreliable institutional framework.....

Beliau menambah bahawa

As a result of such failures, investment ratios deteriorate with levels of corruption. Cross country evidence reveals that countries with high level of perceived corruption are

>> CONTINUE ON PAGE 8



>> FROM PAGE 7

characterized by a low ratio of investments to GDP, by low inflows of foreign direct investment and by low levels of persistent capital inflows.

Rasuah menyebabkan aktiviti penggunaan (*consumption*), simpanan (*saving*) dan rizab negara menurun. Aktiviti pelaburan, eksport-import dan percukaian negara akan terjejas secara keseluruhannya. Ketirisan dan kebocoran akan berlaku dalam setiap komponen pendapatan Negara dan mengakibatkan kerugian. Jika keadaan ini berlaku, KDNK dan pendapatan negara akan mengalami pengurangan dan akhirnya menjejaskan perbelanjaan dana/bajet yang sepatutnya digunakan untuk merealisasikan program-program pendidikan, kesihatan, pembinaan prasarana, keselamatan, pentadbiran awam dan tanggungjawab sosial kerajaan tidak terlaksana. Rasuah menyebabkan kos dan harga barangan dan perkhidmatan berubah kepada pengguna dan ditanggung secara curang dan *illegal* oleh masyarakat dan akhirnya menyusahkan mereka terutama yang berpendapatan rendah dan miskin.

Dalam keadaan di mana rasuah berleluasa, syarikat dan kontraktor yang beroperasi dengan modal yang kecil tidak akan mampu berdaya saing untuk mendapatkan kontrak atau pembekalan daripada pemiaya. Hanya syarikat dan kontraktor yang bermodal tinggi sahaja yang mampu dan berupaya menyogok empunya projek dengan jumlah suapan yang besar sehingga dapat mempengaruhi profesionalisma dan keputusan pihak berkuasa. Jika situasi ini berlaku, persoalannya bagaimanakah syarikat dan kontraktor yang bermodal kecil ini bertahan dan mengekalkan kemapanan syarikat mereka?

Di samping itu rasuah juga akan menyebabkan peluang pekerjaan berkurangan, aktiviti penawaran, permintaan barangan, perkhidmatan dan penggunaannya terjejas. Rasuah menjadi punca kepada pelbagai masalah sosial, ketidakadilan dalam pengagihan kekayaan negara. Rasuah juga menyebabkan timbulnya rasa tidak puas hati, kemarahan dan persepsi negatif di kalangan masyarakat terhadap agen-agen pelaksana. Jika demikianlah keadaannya, maka jelas bahawa jenayah rasuah boleh mendatangkan impak negatif yang maksima lagi 'berkarat' kepada aktiviti dan pertumbuhan ekonomi global pada keseluruhannya.

Kos dan Kerugian

Transparency International (2009) dalam laman webnya memaparkan bahawa jenayah Rasuah boleh membawa kepada;

[1] It damages the developed and developing world, resulting in projects which are unnecessary, unreliable, dangerous, and over-priced. This can lead to loss of life, poverty, economic damage and underdevelopment. [2] It damages companies, resulting in tendering uncertainty, wasted tender expenses, increased project costs, economic damage, reduced project opportunities, extortion and blackmail, criminal prosecutions, fines, blacklisting, and reputational risk. [3] It damages individuals, resulting in reduced morale, criminal prosecution, fines and imprisonment

Ini bermakna jenayah rasuah itu menyebabkan satu-satu projek yang ditawarkan [1] menjadi mewah, mahal dan membawa kepada pembiayaan yang tidak berhemah, [2] menyebabkan pulangan pelaburan yang terlalu rendah, amat merugikan dan meletakkan Kerajaan atau pemiaya seperti institusi perbankan serta pelabur-pelabur sama ada dalam mahupun luar Negara dalam keadaan dilema dan berisiko tinggi. Risiko boleh berlaku dalam bentuk kerugian, *fraud*, kebangkrutan dan tindakan sivil oleh *stakeholder* yang teraniya [3] membiayai butiran yang tidak wujud seperti mewujudkan skop kerja atau spesifikasi secara palsu iaitu menipu Kerajaan dan rakyat dalam pembinaan projek, projek sakit, merbahaya dan mendatangkan kemudaratan serta keselamatan kepada kesejahteraan masyarakat dan persekitaran, dan [4] kecenderungan menabung dan mengguna masyarakat dalam negara menurun, [5] pengangguran meningkat dan menimbulkan pelbagai masalah sosial kepada negara.





Liabiliti Kontrak

Pembiaya, pemilik dan pelaksana projek (Kontraktor atau sub-kontraktor) adalah terikat supaya mematuhi dan melaksana apa-apa juga terma yang telah dipersetujui mengikut kontrak. Pelanggaran kepada terma-terma kontrak dan Akta SPRM 2009 dan undang-undang yang berkaitan dengannya boleh menyebabkan berlakunya:

- (a) Penamatan Kontrak (*Contract Termination*) terhadap mana-mana pemilik atau mereka-mereka yang memperolehi kontrak atau tender secara memberi rasuah atau melibatkan penipuan;
- (b) Kerosakan (*damages*) menyebabkan pembiaya projek membayar apa-apa kerosakan atau kerugian akibat daripada perbuatan jenayah rasuah atau penipuan;
- (c) Liabiliti undang-undang dan hukuman ditanggung oleh pembiaya projek akibat kesalahan rasuah dan penipuan yang dilakukan oleh pekerja, sekutu, proksi, anak anak syarikat, ejen, rakan (joint venture partner) dan sub kontraktor.

Liabiliti Jenayah

Memberi, menerima suapan, menyalahgunakan kuasa, mengemukakan atau memperakukan tuntutan palsu berhubung pembinaan projek yang belum siap sempurna dan persubahatan jenayah yang berlaku dalam sektor ini adalah satu *felony*. Ini menyebabkan pesalah dan perniagaannya akan menjadi subjek dalam penyiasatan terbuka dan pembongkaran untuk mendapatkan bahan bukti. Implikasinya pesalah akan terdedah kepada liabiliti undang-undang dan diheret ke muka pengadilan yang melibatkan pemenjaraan, bayaran denda, hilang peluang perniagaan, reputasi terjejas, disenaraihitamkan dan menyebabkan kelesuan kepada syarikat ataupun kontraktor itu sendiri.

PENUTUP

Berdasarkan kajian yang telah dibuat dan statistik SPRM bagi tempoh 10 tahun, jelas bahawa jenayah rasuah memang wujud dalam sektor pembinaan negara. Kompleksiti dalam urusan pembinaan, kelemahan dalam sistem kawalan dalaman pengurusan pembinaan, tekanan kewangan dalam mengejar keuntungan dan proses kerja yang ketat dipercayai menjadi punca kepada berlakunya rasuah. Profesor Emeratus Dato' Dr. Abdul Rahman Embong (2009) menyatakan bahawa perasaan tamak dan haloba, iman yang lemah dan kurangnya kesedaran moral seseorang individu dipercayai menyumbang kepada terjadinya jenayah ini. Menyedari hakikat ini, pelbagai dimensi pendekatan telah digarap oleh berbagai agensi regulatori, Badan-Badan Awam, syarikat-syarikat swasta di Malaysia dan kerajaan-kerajaan negara di seluruh dunia untuk menangani jenayah ini.

Tidak dapat dinafikan perniagaan/perusahaan dalam sektor pembinaan adalah sangat menguntungkan. Malangnya rasuah menyebabkan kejuruteraan dan infrastruktur negara lumpuh. Projek pembinaan negara tidak *viable* (berkeupayaan untuk hidup), ketirisan, pembaziran dan salahurus dana awam berlaku secara berleluasa. Rasuah menyebabkan infrastruktur yang standard dan berkualiti diabaikan. Kepincangan dalam agihan sumber kekayaan negara dan akhirnya menjejaskan pertumbuhan sosio-ekonomi dan kestabilan politik negara. Liabiliti undang-undang dan akibatnya terpaksa ditanggung oleh mereka yang terlibat dan mengheret syarikat, shareholder, stakeholder dan masyarakat di keseluruhannya.

Pemeriksaan formulasi pencegahan rasuah perlu dilaksanakan melalui penambahbaikan dalam skop dan kerangka undang-undang pencegahan rasuah serta pengurusan dalam sektor pembinaan. Langkah memodenkan serta memajukan sistem pentadbiran urusan perolehan, pembekalan dan pembinaan adalah satu langkah yang preventif bagi mengurangkan rasuah dalam sektor pembinaan. Ini termasuk meningkatkan kecekapan, ketelusan dan tahap profesionalisma agen pelaksana yang terlibat dalam urusan sektor ini.

>> CONTINUE ON PAGE 14



SEPINTAS LALU AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 (AKTA 711) (WHISTLE BLOWER ACT)

Oleh : Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri
[whistleblower@bheuu.gov.my]



LATAR BELAKANG

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] telah diluluskan di Parlimen pada 6 Mei 2010 dan mula berkuatkuasa pada 15 Disember 2010. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 ini digubal bagi membolehkan Kerajaan mencapai hasrat yang telah disasarkan dalam teras kedua Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) iaitu memerangi rasuah. Pada waktu yang sama, Akta ini juga akan dapat membantu Kerajaan mengurangkan kadar jenayah, iaitu teras pertama NKRA.

Selain daripada mencapai hasrat NKRA, penggubalan Akta 711 juga mengambil kira cadangan Laporan Suruhannya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM 2004 agar pemberi maklumat dilindungi dan diberi ganjaran serta memenuhi obligasi Malaysia yang merupakan negara pihak kepada United Nations Convention Against Corruption (UNCAC). Di bawah UNCAC, pihak terlibat hendaklah melaksanakan kaedah pencegahan rasuah yang lebih menyeluruh dengan melibatkan undang-undang, institusi dan organisasi di negara masing-masing.

PELAKSANAAN AKTA 711

Akta 711 ini akan dilaksanakan oleh semua Agensi yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan. Akta 711 ini bertujuan untuk membanteras salah laku dalam sektor awam dan sektor swasta terutamanya salah laku berkaitan gejala rasuah.

Penguatkuasaan dan pelaksanaan Akta 711 dapat menggalakkan dan memudahkan orang awam untuk mendedahkan sebarang perbuatan rasuah dan salah laku lain yang termasuk di bawah kelakuan tidak wajar di bawah Akta ini dengan memberi perlindungan kepada pemberi maklumat.

Akta 711 juga akan melengkapkan kekurangan pada akta-akta lain dalam melindungi Pemberi Maklumat yang hanya melindungi maklumat sulit iaitu maklumat mengenai pemberi maklumat. Di bawah seksyen 7 Akta ini, perlindungan kepada pemberi maklumat diperluaskan kepada imuniti dari tanggungan sivil, tindakan tatatertib atau kesalahan jenayah dan perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan.



TAKRIFAN PENTING AKTA 711

Agensi Penguatkuasaan

Mana-mana kementerian, jabatan atau agensi di peringkat persekutuan dan negeri yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan di bawah mana-mana undang-undang sedia ada. Sebagai contoh Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Imigresen Malaysia, Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain.

Pemberi Maklumat

Orang yang membuat pendedahan kelakuan tidak wajar kepada Agensi Penguatkuasaan sama ada secara lisan atau bertulis.

Kelakuan Tidak Wajar

Apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah.

- i) Kesalahan tatatertib bermaksud tindakan yang melanggar tatatertib dalam badan awam atau badan swasta. Kesalahan tersebut hendaklah diperuntukkan oleh undang-undang atau dalam suatu tatalaku, kod etika atau pekeliling atau suatu kontrak kerja.
- ii) Kesalahan jenayah pula adalah kesalahan yang telah diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang jenayah Negara ini seperti Kanun Keseksaan. Jenis kesalahan termasuklah pecah amanah, rasuah dan sebagainya.

Tindakan Yang Memudaratkan

Tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan, ugutan, gangguan terhadap pekerjaan/ mata pencarian mana-mana orang.

Sebagai contoh seorang pekerja melaporkan mengenai pecah amanah majikannya. Susulan daripada laporan yang dibuat oleh pekerja itu, majikan tersebut telah menekan pekerja tersebut sehingga menyebabkan pekerja berhenti kerja. Tindakan majikan tersebut adalah tindakan yang memudaratkan dan boleh dilaporkan kepada agensi penguatkuasaan.


JENIS PERLINDUNGAN

Terdapat tiga jenis perlindungan utama yang diperuntukkan di bawah Akta ini [subseksyen 7(1)] iaitu:

- a) Perlindungan ke atas maklumat sulit:
Maklumat sulit hendaklah dilindungi daripada didedahkan oleh sama ada pemberi maklumat itu sendiri atau mana mana orang yang menerima pendedahan kelakuan tidak wajar atau mana-mana bahagiannya kepada mana-mana pihak ketiga.

Maklumat sulit yang dilindungi ialah maklumat mengenai

- (i) identiti, pekerjaan, alamat kediaman, tempat pekerjaan dan lain-lain berkaitan dengan pemberi maklumat atau orang yang didedahkan telah melakukan kelakuan tidak wajar itu;



- (ii) nama orang lain yang jika didedahkan, yang boleh mendatangkan mudarat atau kesan buruk terhadap mana-mana individu itu; dan

- (iii) pendedahan kelakuan tidak wajar yang didedahkan oleh pemberi maklumat itu.

- b) Imuniti daripada tindakan sivil, tatatertib atau jenayah yang boleh dikenakan terhadap pemberi maklumat.

- c) Perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan: Perlindungan ini diberi kepada pemberi maklumat daripada tindakan yang memudaratkan diambil oleh majikan dan tidak terhad kepada Pemberi Maklumat, malah diperluaskan kepada mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan Pemberi Maklumat tersebut.

TANGGUNGJAWAB AGENSI PENGUATKUASAAN:

Di bawah Akta 711, semua Agensi Penguatkuasaan sama ada di peringkat Persekutuan, Negeri atau Kerajaan Tempatan hendaklah mempunyai arahan am, kawalan dan penyeliaan ke atas semua perkara yang berhubung dengan perlindungan pemberi maklumat. Bagi maksud Akta ini, kuasa am Agensi Penguatkuasaan adalah seperti berikut:

- Menerima pendedahan kelakuan tidak wajar;
- Menguatkuasakan perlindungan kepada pemberi maklumat;
- Menguruskan pendedahan kelakuan tidak wajar;
- Menerima aduan mengenai tindakan yang memudaratkan;
- Menguruskan aduan tindakan yang memudaratkan; dan
- Melaksanakan peruntukan Akta 711.

PENGURUSAN KELAKUAN TIDAK WAJAR

Apabila pendedahan dibuat, Agensi Penguatkuasaan akan menjalankan penyiasatan dan menyediakan laporan hasil siasatan.

Jika siasatan menunjukkan bahawa pendedahan itu-

- Tidak berasas: Agensi Penguatkuasaan hendaklah memaklumkan pemberi maklumat.
- Ada Kesalahan tatatertib dilakukan: Agensi Penguatkuasaan boleh mengesyorkan suatu prosiding tatatertib dijalankan oleh pihak berkuasa tatatertib (badan Kerajaan) atau majikan di sektor swasta.

>> CONTINUE ON PAGE 15



LET'S ACHIEVE PROGRESS THROUGH MORAL STRENGTH



Datuk Nik Mustapha Hj. Nik Hassan
Director General
Institut of Islamic Understanding
Malaysia (IKIM)
nmnh@ikim.gov.my

At this juncture of our nation's development we should be proud and confident of the way we organise our society. We should not lose sight of our own culture and identity. Neither should we be close-minded. Our strength in upholding the principles of justice and tolerance in a multi-religious society should be maintained continuously.

However, there is still ample room for improvement in our social organisation. Our society can attain further success and sustain the momentum if we continue to refine our way of doing things. The sound principles of adhering to high spiritual and moral values should be given more attention. These values can ensure fairness in our way of doing things. The collapse of great civilisations of the past was basically due to their loss of spiritual and moral values. Similarly, the present advanced societies are on the decline because of such neglect. Spiritual and moral values, being a part of human requirement, provide dynamism and are always relevant in social organisations. In our move to develop our society, there should not be a loss of a noble human purpose. A definite goal that is aligned to a final purpose must be clear. Our Rukun Negara has spelt out very clearly that Malaysians should adhere to their religious beliefs. Our vision 2020 continue to be supportive of the ideal that by the year 2020 we must be able to produce a balanced society whose citizens possess strong religious and spiritual values and are imbued with the highest of ethical standards. Our present task is to translate these values into our social systems.

Islam is of the view that moral acts are not distinguished from religious acts. The more religious an individual is, the more morally-upright he will be. To Al-Ghazali, ethics is a study of certain religious beliefs which guide the rightness and wrongness of action for the purpose of practice, and not for the sake of mere knowledge. Al-Ghazali is emphatic that ethics is the paramount practical science, for he who cannot manage and direct his soul will be ill-equipped to manage the affairs of others.

In our present situation, a great concern emerging from our nation's progress is the loss in the sense of direction among many of our people. This is taking place because we consider wealth, bodily satisfaction and sensuous pleasures as the fundamental goals of our lives.

To Islam, wealth is only an important means for man to realise a noble society. It is not an end in itself. On top of that the emancipation of human bondage of passions can lead to happiness.

It is believed that when the society's economic condition improves there is a tendency for the society to experience a serious moral decline. It is also believed that in order to progress economically some of the society's moral principles have to give way. Moral values are considered obstacles to economic progress according to this view.

The inverse relationship between economic progress attained and moral decline of the people is a phenomenon of a social culture influenced by hedonistic worldview and lifestyle. This philosophy of life considers the maximisation of earnings and desire as the highest virtue. The way forward for a society using this approach can lead to social disequilibrium and ultimately can affect economic productivity.

Our model of development which is in line with our national aspiration insists on the importance of upholding moral ideals in our development process. This can be achieved through translating the spirit of justice in the way we organise our economy. It also requires that a serious effort be taken to develop good moral character among our business community. A fair economic organisation provides a conducive environment for every individual to have the opportunity to participate actively in our economic activities. It is very correct for our nation to embark on a very serious effort to develop our economy. Without economic progress we may not be able to solve a number of our basic social requirements. At the same time we should be committed that economic progress has to be achieved through ethical means and approaches.

In the present situation, our business community has a bigger role to play to ensure that they adhere closely to a set of values which would guide them in undertaking their business activities. The principle of profit with social responsibility has to be understood in a dynamic perspective. To be socially responsible is not to reduce profit earnings of the business community. Instead profit earnings are earned through bigger sales. Konosuke Matsushita argues that business should make the service to society as its objective, and while serving society profits will automatically be obtained.



Profit, which is normally understood as total revenue minus total costs, can be optimised through social responsibility. Total revenue can always be increased through bigger volume of sales. This can be made possible through producing quality products and charging competitive prices.

Total costs on the other hand can be reduced through quality production technology and efficient management. If all the above ingredients are made available to the business entity, there is a great possibility for making bigger profits. In this situation everybody will be in a win-win situation.

The establishment of a caring society as envisaged by our Vision 2020 requires the more fortunate to play positive roles towards the needy. A number of urgent agenda facing the poor such as housing, has to be tackled immediately. The business community has to lend a helping hand to complement the government's efforts to solve the problem. It will not be a big request if every employer in the private sector can give a serious consideration for her employees to overcome the great demand for housing, particularly in the urban areas. Proper accommodation for the poor can be a good starting

point for them to have an opportunity to bring up a good family. A stable society begins with good families. Educational opportunities is another area that needs to be given serious attention. As our population increases, the costs incurred by the Government on education is also substantial. Eventually, opportunities for higher education will be very costly.

A stable and harmonious society needs literate and educated individuals. Human development through better education is not only required for economic purposes but also in creating a civil society. Our nation has made a very right decision to give greater emphasis on educational development.

Our nation's identity can be effectively developed through education. The future generation should be individuals with good character, highly skilled, and people with a purpose. It will be big a mistake to produce a mechanistic society, whose members conduct their lives like robots. A thoughtless society is not an excellent society. Definitely the 21st century requires a sophisticated Malaysians with their own identity who are proud and ambitious and would strive very hard to fulfill the nation's vision of a developed society. ■



>> FROM PAGE 9

Program pemantapan integriti dan peningkatan kesedaran tentang kesan buruk jenayah rasuah perlu diadakan secara berterusan kepada semua kontraktor serta penggiat industri pembinaan yang lain. Latihan dan kursus untuk pemantapan integriti dalam sektor pembinaan yang dirangka secara usaha sama oleh CIDB, IIM dan SPRM di seluruh negara adalah satu usaha yang sangat baik dan wajar diteruskan pelaksanaannya. Baumhart [1961] menyatakan bahawa *training employees on ethical policies and enhancing decision making skills is particularly effective when the leader acts as a role model and coach who models, supports, and reinforces good ethical behaviors*. Ini juga adalah untuk memastikan agar ejen-ejen pelaksana yang terlibat dalam sektor pembinaan memiliki nilai-nilai integriti yang boleh dijadikan asas kepada pembinaan prasarana dan infrastruktur yang berkualiti di Malaysia.

Kesimpulannya, peranan untuk mencegah jenayah rasuah dalam sektor ini bukanlah liabiliti SPRM ataupun kerajaan semata-mata. Setiap lapisan masyarakat yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sebagai entiti pelaksana dan pengguna dalam sektor ini hendaklah membantu SPRM dan kerajaan di dalam mencegah jenayah ini. Usaha pencegahan hendaklah digarap secara holistik, bersepadu, serius dan dilaksanakan mengikut kerangka yang spesifik. Setiap individu, masyarakat, peniaga, kontraktor, pembuat, pengilang, pengedar, pembekal, penjual, badan-badan awam dan regulator hendaklah terlibat secara total dalam pelan tindakan bagi menangani gejala rasuah dalam sektor pembinaan negara.

Rasionalnya kesepaduan dan keberkesanan usaha membanteras rasuah dalam sektor pembinaan akan dapat menjelmakan impian, cita dan harapan masyarakat bahawa sektor ini akan menjadi pemacu utama kepada pembinaan prasarana dan kejuruteraan negara yang berkualiti menjelang tahun 2020.

RUJUKAN

- Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694]
- Bank Negara Malaysia (2009): Laporan Suku Tahun Pertama 2008 dan Analisis Ekonomi Malaysia AMMB Holding Bhd.
- Black, Henry Campbell (1979). Black's Law Dictionary, 5th ed. St.Paul, MN: West Publishing Co.
- CIDB Malaysia (2008): Country Reports in the 14th Asia Construct Conference
- Global Infrastructure Anti-Corruption Centre: <http://www.giacentre.org> dated 29 Jun 2010.
- Prof. Dr. Johann Graf Lambsdorff (2006). The Economic of Corruption – Lecture. University of Passau, Germany, October 2006.

- Prof.Laura S. Underkuffler (2005).Captured by Evil: The Idea of Corruption in Law. Research Paper No. 83, Duke University underkuffler@law.duke.
- Patrick X.W. Zou (2006) Strategies for Minimizing Corruption in the Construction Industry in China. Journal of Construction in Developing Countries, Vol. 11, No. 2.
- Transparency International (1999) Corruption In International Engineering-Construction Project. Berlin Germany.
- UK Transparency International (2006). Preventing Corruption On Construction Projects Risk Assessment And Proposed Actions For Funders.■

Six Principles : Code Of Ethics For Contractors

Principle 1 :

Honesty in Carrying out Responsibilities

Principle 2 :

Compliance with the Laws and Regulations

Principle 3 :

Respect for the Individual and Community

Principle 4 :

Importance of Quality, Skills and Standards

Principle 5 :

Importance of Safety, Health & Welfare

Principle 6 :

Importance of Environmental Preservation



>> FROM PAGE 11

- Ada kesalahan Jenayah dilakukan: Agensi penguatkuasaan hendaklah merujuk laporan itu kepada Pendakwa Raya. Sekiranya Pendakwa Raya memutuskan untuk mendakwa, agensi penguatkuasaan perlu memperoleh laporan berkala daripada Pendakwa Raya tentang perkembangan kes itu sehingga ia habis dibicarakan. Jika sebaliknya Pendakwa Raya memutuskan untuk tidak mendakwa, agensi penguatkuasaan perlu memaklumkan pemberi maklumat.

Semua langkah ini adalah untuk memastikan setiap kelakuan tidak wajar diambil tindakan yang sewajarnya di bawah undang-undang. Jika agensi penguatkuasaan mendapati tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa tatatertib atau majikan tidak memadai atau tindakan tidak diambil dalam masa yang munasabah, Agensi Penguatkuasaan boleh melaporkan kepada Menteri tentang perkara itu.

Pemberi Maklumat akan dimaklumkan tentang hasil siasatan pendedahan beliau dan tindakan yang telah diambil oleh Agensi Penguatkuasaan.

Tuntutan remedi sekiranya terdapat tindakan memudaratkan telah diambil atau mungkin diambil terhadap pemberi maklumat:

Akta 711 juga memperuntukkan bahawa sekiranya pemberi maklumat telah diambil tindakan memudaratkan atau bimbang tindakan memudaratkan akan diambil terhadapnya sebagai tindak balas membuat pendedahan kelakuan tidak wajar, pemberi maklumat dan orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat boleh menuntut remedi daripada mahkamah melalui bantuan agensi penguatkuasaan.

Antara remedi yang boleh dituntut oleh pemberi maklumat adalah seperti berikut:

- i. Ganti rugi atau pampasan;
- ii. Injunksi (tegahan); atau
- iii. Relief lain yang difikirkan patut oleh mahkamah seperti kembali bertugas, kembali jawatan, membayar pampasan yang setara dengan emolumen dia patut diberi, menghentikan / membatalkan tatatertib yang diambil, memberi pampasan (cth: mental stress/kos kesihatan), memberi relief (*interim relief*) sementara menunggu keputusan.

Bantuan daripada Agensi Penguatkuasaan kepada pemberi maklumat untuk menuntut remedi daripada mahkamah merupakan satu inisiatif yang sangat baik. Ini disebabkan kebanyakan rakyat jelata umum tidak mampu mengupah peguam sendiri kerana kos yang tinggi walaupun telah diambil tindakan yang memudaratkan oleh sesetengah pihak. Walaubagaimanapun, bantuan Agensi Penguatkuasaan kepada pemberi maklumat adalah tertakluk kepada Seksyen 15 Akta 711.

SENARAI LIMA (5) AGENSI PENGUATKUASAAN UTAMA:

Polis Di Raja Malaysia (PDRM)

Tel : 03-2031 9999 / 03-2266 3333

Faks : 03-2070 7500

Email : rmp@rmp.gov.my

Laman Web : <http://www.rmp.gov.my>

Kastam Di Raja Malaysia

Tel : 03-88822100 / 2300 / 2500

Faks : 03-8889 5901 / 5899

Email : kastam@customs.gov.my

Laman Web : <http://www.customs.gov.my>

Call centre : 03-7806 7200

Jabatan Imigresen Malaysia

Tel : 03 8880 1000

Faks : 03 8881 2000

Email : pro@imi.gov.my

Laman Web : <http://www.imi.gov.my>

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)

Tel : 03 8888 4244 / 03 8886 6400

Faks : 03 8888 9645

Email : aduan@jpi.gov.my

Laman Web : <http://www.jpj.gov.my>

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Tel : 03 8886 7000

Faks : 03 8888 9562

Email : info@sprm.gov.my

Laman Web : <http://www.sprm.gov.my>

Tel aduan : 03 8886 7546

Talian bebas tol : 1-800-88-6000

Agensi Penyelaras:

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang,

Jabatan Perdana Menteri

Telefon : 03-8885 1000

Faks : 03-8885 1048/ 1088/ 1993

Email : whistleblower@bheuu.gov.my

Laman Web : <http://www.bheuu.gov.my>

Sekalung penghargaan terhadap Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri atas kerjasama dan sumbangan penulisan yang diberikan.

TRUST

It takes a long time to win someone's trust as we are judged constantly by what we say and do, as well as what we do not say or not do.

We must be consistent and keep to our words to earn and retain the trust of others. This is especially so in business.

How to Promote & Practice:

- Make promises that we can fulfill within the stipulated time.
- Be on time with meeting, deliveries, payments etc.
- Keep to our word and do not offer excuses all the time.
- Just as we try to earn other people's trust, give opportunities for other to prove that they can be trust worthy too.

Excerpted from 'Promoting & Practising Universal Values and Good Work Ethic' Published By international Trade & Industry Committee Associated Chinese Chambers of Commerce & Industry Malaysia (ACCIM). This handbook is circulated to ACCIM members.



SEMINAR INTEGRITI KONTRAKTOR PEMBINAAN PERINGKAT SABAH 2010

Oleh : Nur Faeza Hamdan Fadel, Bahagian Pembangunan Kontraktor, CIDB Malaysia



Seminar Integriti Kontraktor Pembinaan 2010 peringkat negeri Sabah telah berlangsung dengan jayanya pada 21 Oktober 2010 bertempat di Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah di bandar Kota Kinabalu. Seminar ini merupakan siri ketiga seminar integriti peringkat negeri yang dianjurkan oleh CIDB Malaysia pada tahun 2010.

Seminar ini dihadiri oleh kira-kira 450 peserta yang rata-ratanya terdiri daripada para kontraktor tempatan. Perasmian seminar telah disempurnakan oleh Yang Berusaha En. Damien Vincent yang mewakili Pengarah Negeri Sabah, En Othman Safar. Turut menyerikan majlis adalah Presiden, Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Sabah (SHARIDA), Datuk Susan Wong beserta beberapa wakil daripada SHARIDA.

Sesi seminar dimulakan oleh pembentangan daripada En. Chew Sang Hai yang mewakili SHARIDA dengan tajuk 'Ethical Work Culture'. Pembentangan tersebut menjurus kepada perspektif para pemaju terhadap isu dan cabaran pembudayaan kerja beretika di dalam industri pembinaan. Melalui pengalamannya, beliau menegaskan bahawa kelangsungan perniagaan di kalangan kontraktor kebiasaannya dimiliki oleh mereka yang mengamalkan budaya kerja beretika yang tinggi. Beliau berpendapat bahawa pengawal-seliaan sendiri merupakan pendekatan yang mesti dimulakan individu dan bukanlah terletak di bahu organisasi semata.

Ceramah kedua pula disampaikan oleh Encik Chew Sang Hai daripada Jabatan Pembangunan Negeri Sabah. Melalui pembentangannya, beliau telah memperincikan peluang-peluang, isu dan cabaran di dalam melaksanakan Nilai Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di peringkat negeri Sabah.



Penceramah daripada Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Sabah, Datuk Awang Buhtamam Hj. Awang Mahmud menyampaikan ceramah bertajuk 'Kepentingan Integriti Dalam Pembangunan Usahawan'. Menggunakan perkataan INTEGRITI sebagai rujukan, beliau menyenaraikan elemen integriti sebagai Integriti (I), Nilai murni (N), Teladan (T), Etika (E), Gigih (G), Rasional (R), Intelak (I), Tabah (T) dan Inovatif (I).

Ceramah terakhir yang disampaikan oleh En. Mohd Nizam Mohd Ali, pengarah Sektor Swasta, Institut Integriti Malaysia telah menghangatkan dewan dengan pembentangan santainya. Mengambil contoh budaya berniaga kaum Tionghua, beliau mengingatkan peserta bahawa secara turun temurunnya nenek moyang terdahulu amat menitik beratkan integriti dengan mengajar anak cucu untuk mengaut keuntungan tanpa membelakangkan tanggungjawab di dalam mengejar keuntungan tersebut. Anak cucu juga telah diajar agar tidak mengambil apa-apa yang bukan milik mereka. Namun ketamakan ujarnya, telah mengakibatkan generasi kini telah melupai pesan nenek moyang tersebut.

Sambutan terhadap seminar ini dilihat amat menggalakkan walaupun terdapat kerja-kerja pengubahsuaian di kompleks yang menempatkan seminar ini. Malahan, terdapat segelintir peserta yang muncul bagi mendaftar penyertaan secara *walk-in* pada pagi hari seminar tersebut. CIDB di dalam rangka kerjanya akan terus mengadakan siri penjelajahan kesedaran integriti di peringkat negeri pada tahun-tahun hadapan di dalam meningkatkan kesedaran umum terhadap kepentingan membudayakan integriti dan etika. ■



SEMINAR INTEGRITI INDUSTRI PEMBINAAN PERINGKAT KELANTAN 2010

Oleh : Nur Faeza Hamdan Fadel, Bahagian Pembangunan Kontraktor, CIDB Malaysia



CIDB Malaysia dengan kerjasama pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia Kelantan telah menganjurkan Seminar Integriti Industri Pembinaan Kelantan 2010 pada 12 Oktober 2010. Seminar ini merupakan seminar kali kedua seumpamanya yang telah dianjurkan oleh CIDB Malaysia pada tahun 2010. Bertempat di Dewan Gelanggang Seni, Kota Bharu, seminar ini menyaksikan sambutan hebat daripada hampir 600 peserta yang membanjiri segenap ruang dewan. Majlis perasmian seminar ini telah disempurnakan oleh Y. B. Timbalan Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Y. Bhg. Dato' Dr. Zainuddin Hj. Ibrahim mewakili Y. B. Ketua Setiausaha, Dato' Seri Setia Raja Haji Mohd Aiseri bin Alias.

Tiga penceramah daripada latarbelakang berbeza telah ditampilkan dalam seminar ini. Sesi ceramah dimulakan oleh Ir. Tn. Hj. Mohd Zaki Mohd Zain daripada Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan yang mengupas isu dan cabaran Jabatan terhadap pencegahan dan penyelesaian pojek-pojek sakit. Penceramah melalui pengalamannya di dalam mengendalikan projek-projek sakit menegaskan bahawa penyebab utama kepada kewujudan projek-projek sakit adalah berpunca daripada masalah sikap dan kebertanggungjawaban pihak-pihak yang terlibat.

Pembentangan kedua disampaikan oleh En. Mohd Nizam Mohd Ali yang merupakan pengarah daripada Sektor Swasta, Institut Integriti Malaysia. Sebagai individu yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan agenda

pengukuhan integriti peringkat kebangsaan, beliau menegaskan bahawa integriti bukanlah sekadar di fikiran, namun integriti merupakan soal hati seseorang individu yang menentukan perilaku dan perbuatan. Beliau juga menekankan betapa pentingnya para kontraktor memupuk rasa kepuasan terhadap kesempurnaan melaksanakan tanggungjawab dan tugas yang diamanahkan walaupun kecil demi mencapai keredhaan Tuhan dan bukannya keredhaan manusia semata.

Tirai seminar dilabuhkan dengan pembentangan terakhir daripada Yang Dipertua Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia Kelantan, Y. Bhg. Datuk Hj. Mohd Rosdi Abd. Aziz. Pembentangan beliau yang bersahaja berjaya menggamatkan dewan seminar dengan jenaka-jenaka santai yang menyelitkan unsur-unsur nasihat. Beliau meluahkan pendapat bahawa persepsi negatif terhadap segelintir kontraktor amat mudah untuk diwarwarkan media massa berbanding daripada jasa dan bakti mereka di dalam menyediakan kemudahan demi kesejahteraan rakyat. Beliau turut menegaskan bahawa kontraktor perlu mempunyai jati diri yang kuat bagi menentang elemen-elemen negatif yang mencabar integriti dan etika masing-masing.

Sesungguhnya, seminar seumpama ini menunjukkan kesepakatan bijak antara ketiga-tiga pihak iaitu agensi Kerajaan Pusat iaitu CIDB, Kerajaan Negeri serta persatuan kontraktor yang merupakan antara penggiat utama industri demi mencapai satu objektif murni di dalam menyuntik kesedaran peserta terhadap kepentingan integriti dan budaya kerja beretika. ■



HASIL KARYA ANDA DIPERLUKAN!

Panggilan Menyumbang Hasil Karya Ke Dalam Bina Integriti

Orang awam / wakil organisasi / badan kerajaan / badan korporat / badan bukan kerajaan / ahli akademik / pelajar / individu dll dijemput bagi menghantar hasil karya untuk disiarkan di dalam BINA Integriti.

Hasil karya boleh berbentuk penulisan atau ilustrasi dan hendaklah asli.

Hasil karya juga hendaklah menyentuh aspek-aspek nilai, sikap, etika dan integriti. Keutamaan diberikan kepada hasil karya yang memberi fokus kepada industri pembinaan.

Hasil karya bolehlah ditulis di dalam bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris.


Terma Rujukan Penulis Luar

Untuk memahami terma dan syarat bagi menyumbang hasil karya, sila layari laman web CIDB.
www.cidb.gov.my

BAGAIMANA MENGHANTAR KARYA ANDA?

Hasil karya bolehlah dihantar terus kepada binaintegriti@cidb.gov.my dalam bentuk soft-copy.

STATISTIK PESERTA KURSUS INTEGRITI JAN - NOV 2010





WHAT'S IN THE NAME 'BINA INTEGRITI'



BINA

Reflects the construction
industry in Malaysia

INTEGRITI

Reflects the objective of the
publication that emphasises a
knowledge sharing platform for the
integrity program, that is geared
towards
nurturing a new work culture that's
centered on "integrity" amongst
the construction community. It also
reflects CIDB's
contribution towards reinforcing the
value of integrity in the
Construction Industry.



PEJABAT CIDB NEGERI

CIDB WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Tkt. 7, Grand Seasons Avenue,
72, Jalan Pahang, 53000 Kuala Lumpur
Tel : 03-4045 3800 Fax : 03-4045 3858

CIDB JOHOR

Lot 2067, Batu 3, Jalan Tampoi
81200 Johor Bahru, Johor
Tel: 07-234 4808 Fax: 07-234 4807

CIDB KEDAH/PERLIS

Lot 7&8,
Kompleks Perniagaan Asas Jaya,
Jalan Stadium,
05100 Alor Setar, Kedah.
Tel: 04-733 1243, Fax : 04-733 1175

CIDB PAHANG

A1, Tingkat Bawah
Jalan Seri Kuantan 2
Seri Kuantan Square
25050 Kuantan, Pahang.
Tel: 09-517 8734, Fax: 09-517 8751

CIDB SARAWAK

Tingkat 1, Blok A, Kompleks CIDB,
Jalan Sultan Tengah, 93050 Kuching,
Sarawak
Tel: 082-445 833 Fax: 082-447 833

CIDB SABAH

Tingkat 4, Block A, Bangunan KWSP,
88100 Kota Kinabalu, Sabah
Tel: 088-235 060 Fax: 088-242 481

CIDB MELAKA

No. 24-2 & 26-2, Tingkat 2, Bgn. Kota
Cemerlang, Lebuhraya Ayer Keroh,
75450 Ayer Keroh, Melaka
Tel: 06-232 8895 Fax: 06-232 8950

CIDB PERAK

Lot. 5.02, Tingkat 5, Bangunan KWSP,
Jalan Greentown, 30450 Ipoh, Perak.
Tel: 05-242 3488 Fax: 05-255 5488

CIDB KELANTAN

No. U7.2, Tingkat 7, Menara Perbadanan,
Jalan Tunku Petra Semarak,
15000 Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09-744 4311 Fax: 09-743 4311

CIDB TERENGGANU

Tingkat 7, Menara Yayasan Islam
Terengganu, Jalan Sultan Omar,
20300 Kuala Terengganu, Terengganu
Tel: 09-624 5311 Fax: 09-623 8973

CIDB SARAWAK (CAWANGAN MIRI)

Tingkat 1, Wisma Rela Aman,
Lot 1301, Blok 9, MCLD Miri Water Front,
98000 Miri, Sarawak
Tel: 085-417 431 Fax: 085-417 432

CIDB NEGERI SABAH (CAWANGAN TAWAU)

Tingkat 1 Wisma Gek Poh, Batu 1,
Jalan Dunlop Beg Berkunci No. 7,
91009 Tawau, Sabah.
Tel: 089-777 841/842
Fax: 089-777 840

IKRAR INTEGRITI MALAYSIA

**Kami, Rakyat Malaysia Merdeka, Berwawasan dan Berdaulat, Dengan Tulus dan Suci Hati, Berikrar,
Memantap dan Memperkukuhkan, Maruah dan Integriti Kami, Keluarga dan Masyarakat, Agama,
Bangsa dan Negara Kami. Ke Arah Itu Kami Akan :**

- Mematuhi Sepenuhnya Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang dan Peraturan Semasa;
- Mematuhi dan Mengamalkan Prinsip-Prinsip Rukun Negara;
- Sentiasa Berusaha Memupuk dan Mengamalkan Nilai-nilai Murni, Etika dan Integriti;
- Bekerjasama Sepenuhnya Dengan Mana-mana Pihak untuk Mencegah Sebarang Perlakuan Jenayah, Salah Laku Dan Perbuatan Tidak Berintegriti;
- Bertindak Tegas Terhadap Mereka Yang Melanggar Undang-undang Dan Peraturan
- Bertindak Tegas Terhadap Mereka Yang Cuba Menggugat Integriti, Imej Masyarakat dan Negara;
- Secara Kolektif dan Berterusan Membudayakan Integriti Masyarakat Malaysia

Sumber : Pelan Integriti Nasional





www.cidb.gov.my/miie2011

MIIE '11

Malaysia IBS International Exhibition

5-7 April 2011

CIDB Convention Centre,
Jalan Cheras, Kuala Lumpur

'IBS Integration for Green Technology'

Highlights

- Exhibition of IBS and Green Technology Products
- Seminar on IBS
- Workshop on IBS
- Student Video Animation Competition

What is IBS?

IBS is a technique of construction whereby components are manufactured in controlled environment either at factory or offsite, transported, positioned and assembled into construction work with minimum site work.

Invitation To Exhibit

- Distributors, Suppliers and Manufacturers of IBS and Green Technology products
- Building and construction contractors and subcontractors
- Developers and investors
- Project Owners
- Government Departments
- Project Managers
- Construction Professionals and Consultants
- Academics
- Researches

Register Your Interest Now!

Inquiries:

 **03 4042 8880**

 **miie11@cidb.gov.my**
ecidbh@cidb.gov.my

